

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/1999**

April 1999

PDP 401 - Pengantar Ilmu Pendidikan

Masa : 2 jam

ARAHAN : Kertas ini mengandungi **ENAM (6) soalan**. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Mulakan setiap jawapan dengan helaian kertas yang baru dan catatkan nombor soalan dengan jelas.

1. a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'Pendidikan secara bersepadu'?
b) Huraikan **enam (6)** implikasi utama ekoran pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) terhadap proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

(25 markah)

2. a) Bincangkan dengan ringkas berserta contoh semua perkara-perkara berikut :
i) pengetahuan sedia ada murid
ii) objektif khas pengajaran
iii) alat bantu mengajar

b) Bagaimana ketiga-tiga perkara tersebut saling berkaitan dan dapat digunakan oleh guru dalam satu proses pengajaran pembelajaran?

(25 markah)

3. Jelaskan bagaimana **empat (4)** unsur utama yang dikemukakan dalam Model Pengajaran Glaser dapat membantu guru menghasilkan pengajaran yang berkesan di dalam bilik darjah.

(25 markah)

4. Perincikan **lima (5)** sebab mengapakah Persediaan Mengajar Guru itu merupakan satu pelan tindakan yang akan menentukan keberkesanan setiap pengajaran itu.

(25 markah)

...2/-

5. Apakah yang dimaksudkan dengan teknik menyoal oleh guru? Huraikan lima (5) teknik menyoal oleh guru yang boleh mencambah pemikiran murid dan meningkatkan penglibatan mereka dalam pembelajaran. (25 markah)
6. Bezakan antara Pengujian, Pengukuran dan Penilaian dari segi tujuan, cara dan hasil yang boleh dicapai. (25 markah)

-ooo000ooo-

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang Akademik 1998/1999**

April 1999

PDP 403 - Psikologi Pelajar dan Keperluan Pelajar

Masa : [2 jam]

ARAHAN :

Kertas soalan ini mengandungi **DUA** bahagian, iaitu **BAHAGIAN A** dan **BAHAGIAN B**.

BAHAGIAN A (60 MARKAH)

Mengandungi 85 soalan berbentuk soalan objektif. Jawab **SEMUA** soalan dari bahagian ini dengan menghitamkan jawapan yang amat sesuai sekali dalam Borang Jawapan Komputer (Borang OMR) yang disediakan.

Jawapan kepada Bahagian A (Borang OMR) dan kertas soalnya akan dikutip selepas satu setengah (1 1/2) jam peperiksaan dimulakan.

BAHAGIAN B (40 MARKAH)

Mengandungi 2 soalan. Jawab kedua-dua soalan dari bahagian ini pada halaman yang baru.

...2/-

BAHAGIAN A [100 markah]

Jawab **SEMUA** soalan (masa 1 jam)

1. Ahli-ahli pembelajaran Gestalt **kurang** cenderung untuk menganalisis pengajaran dalam bilik darjah dari segi
 - (A) jadual pengukuhan
 - (B) susunan isi kandungan
 - (C) pembelajaran yang bermakna
 - (D) kefahaman konsep-konsep

2. Dari sudut teori penanggapan Gestalt, pengajaran harus menekan kepada
 - (A) penyampaian pelajaran langkah demi langkah
 - (B) penyampaian pelajaran yang bermula dengan memberi gambaran yang menyeluruh
 - (C) latih tubi kemahiran dari yang mudah ke yang lebih susah.
 - (D) latih tubi menghafal fakta-fakta yang penting

3. Menurut Bruner, kanak-kanak di peringkat _____ sudah berupaya menggambarkan sesuatu di dalam fikiran mereka.
 - (A) simbolik
 - (B) enaktif
 - (C) ikonik
 - (D) emotif

4. Piaget menggunakan istilah fungsi tetap (functional invariant) bagi menyatakan bahawa organisme cenderung
 - (A) membuat penyesuaian/adaptasi dan akomodasi
 - (B) mengorganisasi dan membuat penyesuaian/adaptasi
 - (C) membuat asimilasi dan akomodasi
 - (D) membuat penyesuaian/adaptasi dan asimilasi

5. Di dalam bilik darjah yang berorientasikan teori Piaget, guru membantu pelajarnya untuk memperoleh pengetahuan tentang alam fizikal dengan
 - (A) mengajar pelajar bagaimana berfikir secara formal
 - (B) memberi berbagai aktiviti latih-tubi di dalam kelas
 - (C) membekalkan pengalaman pembelajaran yang sesuai dengan peringkat perkembangan mental pelajar.
 - (D) membekalkan pengalaman pembelajaran untuk membentuk tingkah laku yang diingini oleh guru

...3/-

6. Ungkapan ini mencerminkan ciri pemikiran formal :
- (A) Yang wujud lebih penting daripada yang tidak wujud
 - (B) Yang wujud lebih penting daripada yang mungkin
 - (C) Yang mungkin lebih penting daripada yang wujud
 - (D) Yang mungkin lebih penting daripada yang tidak mungkin
7. Peranan guru sebagai penilai di dalam bilik darjah yang berorientasikan teori Piaget adalah :
- (A) untuk menilai kecerdasan pelajar
 - (B) untuk menentukan peringkat pemikiran pelajar
 - (C) untuk membanding gred dalam peperiksaan penggal
 - (D) untuk memberi gred dalam peperiksaan penggal
8. Kanak-kanak perempuan mengalami 'lonjakan pertumbuhan' ----- terlebih awal daripada kanak-kanak lelaki
- (A) 1 tahun
 - (B) 2 tahun
 - (C) 3 tahun
 - (D) 5 tahun
9. Bentuk badan mempengaruhi sahsiah remaja secara tidak langsung iaitu melalui :
- (A) sikap dan penilaian orang lain terhadap remaja
 - (B) pengalaman remaja mengenai apa yang dia boleh buat dan apa tidak boleh dibuatnya
 - (C) kegiatan-kegiatan fizikal yang tidak sesuai dengan daya remaja
 - (D) perhubungan sosial yang terhad
10. Kajian-kajian mengenai imej tubuh badan dalam kalangan remaja menunjukkan bahawa :
- (A) remaja perempuan lebih berpuashati dengan sifat-sifat fizikal mereka semasa mereka muda berbanding dengan semasa mereka lebih umur
 - (B) remaja lelaki lebih berpuashati dengan sifat-sifat fizikal mereka semasa mereka muda berbanding dengan semasa mereka lebih berumur
 - (C) remaja perempuan lebih berpuashati dengan sifat-sifat fizikal mereka semasa mereka muda berbanding dengan remaja lelaki yang lebih berumur
 - (D) berbanding dengan remaja perempuan, remaja lelaki lebih berpuashati dengan sifat-sifat fizikal mereka pada semua peringkat umur

...4/-

11. Peringkat berlakunya pertumbuhan yang paling cepat adalah :
- (A) peringkat bayi dan peringkat kanak-kanak
 - (B) peringkat kanak-kanak dan peringkat remaja
 - (C) peringkat remaja dan peringkat bayi
 - (D) peringkat bayi dan peringkat dewasa
12. Yang manakah susunan yang sesuai mengikut teori keperluan berhairaki Maslow?
- (A) penghargaan, keselamatan, dikasihi, fisiologi dan penyempurnaan sendiri
 - (B) penghargaan, penyempurnaan sendiri, keselamatan, fisiologi dan dikasihi
 - (C) keselamatan, fisiologi, penghargaan, dikasihi dan penyempurnaan sendiri
 - (D) fisiologi, keselamatan, dikasihi, penghargaan, dan penyempurnaan sendiri
13. Model Shavelson & Rakan-rakan mengutarakan konsep diri sebagai bersifat
- (A) global
 - (B) dwidimensi dan berhairaki
 - (C) pelbagai dimensi
 - (D) pelbagai dimensi dan berhairaki
14. Ahli-ahli teori tentang konsep diri mengatakan bahawa
- (A) individu dilahirkan dengan sesuatu konsep diri
 - (B) individu memperolehi konsep diri hasil dari interaksinya dengan orang lain
 - (C) individu mewarisi konsep diri dari keluarganya
 - (D) individu memperolehi konsep diri hasil perkembangan mentalnya
15. Umumnya takrifan konsep diri merangkumi dua perkara berikut :
- (A) fikiran tentang diri, kemahuan pada diri
 - (B) imej tubuh badan, perasaan terhadap diri
 - (C) fikiran tentang diri, perasaan terhadap diri
 - (D) perasaan terhadap diri, sikap terhadap diri
16. Satu daripada berikut BUKAN tugas perkembangan yang diutarakan oleh HAVIGHURST untuk peringkat remaja.
- (A) mencapai peranan sosial sebagai perempuan atau lelaki
 - (B) membina kemahiran intelektual untuk berfungsi dengan cekap dalam masyarakat
 - (C) menerima sifat fizikal dan mengguna tubuh badan dengan berkesan
 - (D) mengukuhkan pergantungan emosi dengan ibubapa dan orang lain

17. Kajian Maznah Ismail menunjukkan 58% remaja perempuan menanggapi pengalaman haid pertama kali dengan cara yang :
- (A) positif
 - (B) negatif
 - (C) positif dan negatif
 - (D) tidak positif dan tidak juga negatif
18. Apabila remaja perempuan ini diminta memberi cadangan tentang cara-cara membantu pelajar-pelajar lain yang akan mengalami haid, 70% daripada mereka mencadangkan akan:
- (A) menceritakan tentang pengalaman sendiri
 - (B) memberi sokongan emosi
 - (C) memberi maklumat/pengetahuan tentang haid
 - (D) mengatakan haid adalah perkara biasa
19. Sumber utama remaja perempuan mendapat bantuan dan nasihat tentang haid adalah :
- (A) guru
 - (B) rakan-rakan
 - (C) ibu
 - (D) kakak dan mak cik
20. Setelah mengalami haid beberapa tahun, sikap remaja ini terhadap haid adalah :
- (A) lebih positif
 - (B) lebih negatif
 - (C) positif dan negatif
 - (D) tidak positif dan tidak negatif

Rosenberg (1985) mengemukakan 7 tanda konsep diri yang positif. Dua tanda tersebut adalah: 'merasa diri adalah penting kepada orang lain' dan 'merasa dapat mengawal apa yang berlaku kepada diri'.

Bagi setiap soalan berikut, pilih jawapan yang sesuai sekali.

21. 'Merasa diri adalah penting kepada orang lain' bermakna:

- (A) perasaan ego yang tinggi
- (B) perasaan kepentingan diri yang tinggi
- (C) perasaan bahawa diri perlu diutamakan apabila berhubung dengan orang lain
- (D) perasaan bahawa diri berharga bagi orang lain

...6/-

22. 'merasa dapat mengawal apa yang berlaku kepada diri' bermakna

- (A) mempunyai kawalan diri yang baik
- (B) mempercayai bahawa ganjaran bergantung kepada usaha
- (C) mempercayai bahawa dapat mengawal kestabilan emosi
- (D) merasa berupaya untuk menentukan punca kawalan

Soalan-soalan berikut merujuk kepada rencana Asmah Bee Mohd. Noor 'Jurang Generasi.'
Dapatan kajian Asmah Bee menunjukkan terdapat jurang generasai berikut.

23. Remaja _____ mengalami jurang jenerasi dari segi menghormati orang tua.

- (A) remaja Melayu
- (B) remaja Cina
- (C) remaja India
- (D) remaja Cina dan Melayu

24. Remaja _____ mengalami kawalan di rumah yang paling tinggi.

- (A) remaja Melayu
- (B) remaja Cina
- (C) remaja India
- (D) remaja Cina dan India

25. Keputusan kajian Asmah Bee menunjukkan penghargaan diri remaja berkait dengan negatif dan signifikan dengan hampir semua aspek jurang generasi. Dapatan ini bererti remaja yang mengalami masalah jurang generasi yang _____ mempunyai penghargaan diri yang _____. Sementara itu remaja yang mempunyai penghargaan diri yang _____ mengalami masalah jurang generasi yang _____.

- (A) rendah, rendah; rendah, rendah
- (B) tinggi, tinggi; tinggi, tinggi
- (C) tinggi, tinggi; rendah, rendah
- (D) tinggi, rendah; tinggi, rendah

26. Dari sudut pandangan kebanyakan ahli teori perkembangan manusia, masalah-masalah dalam kalangan remaja seperti 'tingkah laku devian', 'bohsia', 'melepak' adalah hasil

- (A) pengaruh baka atau pengaruh persekitaran
- (B) pengaruh baka lebih penting daripada pengaruh persekitaran
- (C) pengaruh persekitaran lebih penting daripada pengaruh baka
- (D) pengaruh interaksi di antara baka dan persekitaran

27. Kajian Tan, T. W. tentang 'Gejala Sosial Semasa' menyarankan bahawa
- (A) masyarakat perlu bertindak tegas membendung masalah melepak remaja
 - (B) masyarakat perlu mengutamakan sudut pandangan penyelidik untuk mentafsir kegiatan melepak remaja
 - (C) masyarakat perlu memberi peluang kepada remaja untuk menjelaskan kegiatan melepak dari sudut pandangan mereka
 - (D) masyarakat perlu mengadakan lebih banyak penyelidikan kualitatif daripada penyelidikan kuantitatif terhadap masalah melepak dalam kalangan remaja
28. Dari perspektif kajian Tan, T. W., melepak boleh ditafsirkan sebagai:
- (A) satu amalan budaya berkumpulan yang dapat membezakan gejala sosial mengikut kumpulan etnik
 - (B) satu amalan budaya berkumpulan untuk remaja mengusik-gusik perempuan, belajar tentang AIDS, STD dan bermain di pusat video
 - (C) satu amalan yang memerlukan masa yang banyak untuk remaja mencari kerja sebagai 'somebody'.
 - (D) satu amalan budaya berkumpulan untuk remaja membentuk identiti
29. Menurut Tan, T. W. hasil kajian Samsudin dan Rakan-rakan tidak dapat mengesan _____ pembabitan anak-anak muda di dalam aktiviti melepak.
- (A) rasional dan pola interaksi
 - (B) rasional dan hasrat
 - (C) hasrat dan pola interaksi
 - (D) pola interaksi dan interpretasi terhadap struktur sosial
30. Menurut Azizah Abd. Rahaman, 3M di dalam kurikulum tersembunyi melambangkan:
- (A) menulis, mendengar, membaca
 - (B) mendengar, menuruti, melaksanakan
 - (C) menerima, mematuhi, menuruti
 - (D) mendengar, menerima, menuruti
31. Psikologi rangsangan gerak balas juga dikenali sebagai
- (A) rangsangan operan
 - (B) pengukuhan
 - (C) pelazim klasik
 - (D) hukuman

32. Kenyataan yang manakah yang **TIDAK BENAR** tentang teori Pelaziman Klasik?
- (A) Pavlov merupakan pelopor konsep pelaziman klasik
 - (B) Pavlov mula-mula tertarik dengan fenomena pelaziman apabila mengkaji fisiologi penghadaman seekor tikus
 - (C) setiap rangsangan akan menimbulkan gerak balas
 - (D) pembelajaran akibat perkaitan dua rangsangan dikenali sebagai pelaziman klasik
33. Pelopor psikologi yang memulakan kajian tentang pelaziman operan ialah:
- (A) Skinner
 - (B) Thorndike
 - (C) Watson
 - (D) Rayner
34. Kenyataan yang manakah yang **TIDAK BENAR** tentang teori pelaziman operan?
- (A) pelaziman operan juga dikenali sebagai pelaziman instrumental
 - (B) kefahaman tentang pelaziman operan bermula dengan kajian-kajian yang mengguna tikus dalam sangkar
 - (C) dalam proses pelaziman operan, dua bentuk peneguhan yang sering digunakan ialah peneguhan positif dan peneguhan negatif
 - (D) peneguhan negatif bukannya hukuman
35. Sesuatu rangsangan yang berjaya menghasilkan gerak balas tertentu dalam proses pembelajaran dipanggil
- (A) rangsangan terlazim
 - (B) rangsangan tidak terlazim
 - (C) rangsangan neutral
 - (D) rangsangan semulajadi
36. Ahmad takut tempat tinggi. Semasa kelas pendidikan jasmani, rakan-rakan Ahmad berlatih memanjat tangga gimnastik yang tinggi. Ahmad sakit perut setiap kali dia menyertai kelas pendidikan jasmani. Ini adalah contoh :
- (A) pelaziman operan
 - (B) pelaziman klasik
 - (C) penghapusan
 - (D) generalisasi

37. Ah Chong didapati ponteng sekolah selama dua hari. Dia dirotan kerana melanggar peraturan sekolah. Tindakan ini adalah contoh :
- (A) pengukuhan negatif
 - (B) pengukuhan positif
 - (C) pengukuhan tetap
 - (D) hukuman
38. Anjing Pavlov telah mengeluarkan air liur apabila mendengar tapak kaki pembantu Pavlov yang selalu membawa makanan kepada anjing itu. Pengeluaran air liur ini oleh anjing dianggap sebagai :
- (A) rangsangan semulajadi
 - (B) gerakbalas terlazim
 - (C) rangsangan terlazim
 - (D) gerakbalas tak terlazim
39. Pilih kenyataan yang **TIDAK BENAR** mengenai pelaziman klasik :
- (A) tingkah laku berlaku selepas rangsangan diberi
 - (B) rangsangan neutral dikaitkan dengan rangsangan tak terlazim
 - (C) kesan sesuatu tingkah laku mempengaruhi tingkahlaku seterusnya
 - (D) tingkah laku adalah tidak sengaja
40. Pelaziman klasik dan pelaziman operan adalah dari perspektif psikologi :
- (A) psikobiologi
 - (B) behaviorisme
 - (C) kognitif
 - (D) psikoanalisis
41. Hukum yang dikemukakan oleh Thorndike dan menjadi asas kepada proses pelaziman operan dipanggil:
- (A) hukum pengukuhan
 - (B) hukum kesan
 - (C) hukum peneguhan
 - (D) hukum generalisasi

42. Dalam pelaziman operan, rangsangan yang diberi selepas berlakunya sesuatu tingkah laku yang dapat meningkatkan kebarangkalian berlakunya tingkah laku itu dipanggil
- (A) peneguhan berjadual
 - (B) peneguhan primer
 - (C) peneguhan negatif
 - (D) peneguhan positif
43. Rangsangan yang menyakitkan yang diberi untuk menamatkan tingkah laku yang tidak diinginkan dipanggil
- (A) pelaziman operan
 - (B) peneguhan negatif
 - (C) hukuman
 - (D) peneguhan sekunder
44. Kenyataan yang manakah yang TIDAK BENAR tentang teori prosesan maklumat mengenai ingatan?
- (A) ingatan melibatkan menyusun, menyimpan dan mengembalikan maklumat
 - (B) peringkat-peringkat ingatan yang berbeza berasaskan masa penyimpanan
 - (C) ingatan terdiri daripada dua sistem komponen
 - (D) proses ingatan menyerupai pengaturcaraan komputer
45. Kenyataan yang paling tepat tentang ingatan deria ialah:
- (A) ia adalah perantaraan di antara pengamatan dan ingatan
 - (B) ia boleh bertahan hanya beberapa minit sahaja
 - (C) ia boleh dipertingkatkan lagi keupayaan melalui penambahan latihan
 - (D) ia adalah tertakluk kepada kaedah pengkodan yang digunakan
46. Pilih kenyataan yang paling tepat tentang ingatan jangka masa pendek
- (A) ia boleh bertahan hanya beberapa saat sahaja
 - (B) ia mempunyai kapasiti menyimpan data 12 ± 2 aksara
 - (C) ia adalah peringkat kedua dalam teori prosesan maklumat
 - (D) ia boleh dipertingkatkan dengan pembelajaran bermakna
47. Dalam teori prosesan maklumat, rekod pengalaman yang kekal berlaku pada peringkat
- (A) pengamatan
 - (B) ingatan deria
 - (C) ingatan jangka masa pendek
 - (D) ingatan jangka masa panjang

48. Kaedah yang paling sesuai untuk memperbaiki ingatan di peringkat sekolah menengah adalah :
- (A) pembacaan aktif
 - (B) belajar dengan kadar berlebihan
 - (C) kaedah PQRSST
 - (D) waktu belajar haruslah diselang seli dengan aktiviti-aktiviti yang ringan
49. Langkah yang manakah yang TIDAK sesuai untuk mengurangkan lupa di kalangan pelajar
- (A) mengaitkan pelajaran dengan pengalaman seharian pelajar
 - (B) mengurangkan ujian
 - (C) memberi latihan dan ulangan
 - (D) pengajaran bermakna
50. Apakah peringkat ingatan di mana maklumat patut disimpan semasa pelajar belajar untuk menghadapi peperiksaan ?
- (A) ingatan deria
 - (B) ingatan jangka masa pendek
 - (C) ingatan jangka masa panjang
 - (D) ingatan semasa
51. Pilih kaedah yang paling sesuai untuk membantu pelajar dalam proses pembelajaran :
- (A) menyusun dan merancang bahan pembelajaran
 - (B) pengajaran bermakna
 - (C) kaitkan dengan mnemonik
 - (D) memperkukuhkan pembelajaran dengan ganjaran yang indah
52. Perspsi individu dari segi menjadi seorang lelaki atau perempuan dipanggil
- (A) peranan jantina
 - (B) identiti gender
 - (C) jantina
 - (D) gender

53. Perbezaan antara lelaki dan perempuan dari segi fisiologi, anatomi, genetik dan hormon dipanggil
- (A) gender
 - (B) jantina
 - (C) peranan jantina
 - (D) identiti gender
54. Pilih teori yang TIDAK sesuai untuk menerangkan proses pembentukan gender
- (A) teori biologi
 - (B) teori behaviurisme
 - (C) teori psikoanalisis
 - (D) teori pembelajaran sosial
55. Pilih kenyataan yang paling sesuai tentang pembentukan gender dari segi teori psikoanalisis
- (A) warisan genetik bertanggung jawab untuk pembentukan gender
 - (B) agen-agen sosialisasi memainkan peranan penting dalam pembentukan gender individu
 - (C) kanak-kanak melalui tiga peringkat dalam membentuk konsep gender
 - (D) proses-proses emosi dan dinamik psikologi keluarga penting dalam proses pembentukan gender
56. Proses seorang individu mempelajari corak-corak pemikiran dan tingkah laku yang diterima oleh sesuatu masyarakat dipanggil:
- (A) peniruan
 - (B) pemerhatian
 - (C) sosialisasi
 - (D) interaksi
57. Pemahaman kanak-kanak tentang gender yang berdasarkan perkembangan intelek merupakan asas teori yang dikemukakan oleh:
- (A) Kohlberg
 - (B) Freud
 - (C) Mischel
 - (D) Darwin

58. Kajian Joseph C (1998) menunjukkan bahawa tema yang utama dalam deskripsi diri pelajar-pelajar perempuan tahun pertama sebagai seorang perempuan adalah :
- (A) diri fizikal
 - (B) diri dalam konteks orang signifikan
 - (C) perasaan menjadi seorang perempuan
 - (D) trait-trait personaliti yang berkaitan dengan kewanitaan
59. Pilih konsep yang TIDAK SESUAI untuk menerang dapatan Joseph C tentang identiti gender pelajar-pelajar perempuan tahun pertama :
- (A) kebudayaan
 - (B) proses sosialisasi
 - (C) perkembangan kognitif
 - (D) peranan jantina
60. Pilih ciri-ciri identiti gender individu yang tidak benar :
- (A) tetap
 - (B) kepelbagaian
 - (C) berkonflik
 - (D) berubah-ubah
61. Bimbingan dapat dirumuskan sebagai satu
- (A) proses, perkhidmatan dan fungsi
 - (B) perkhidmatan, proses dan pendidikan
 - (C) rundingcara, perkhidmatan dan fungsi
 - (D) pendidikan, proses dan rundingcara
62. Menurut Shertzer dan Stone, bimbingan adalah satu proses
- (A) menolong individu-individu berkembang secara menyeluruh
 - (B) menolong individu-individu memahami dan mengurus kehidupan mereka
 - (C) menolong individu-individu memahami diri mereka dan dunia mereka
 - (D) menolong individu-individu menyesuaikan diri dengan persekitaran

63. Seorang bekas pelajar yang datang ke sekolah untuk mendapatkan bantuan dalam hal yang berkaitan dengan soal peribadi, kerjaya dan pelajaran bolehlah mendapat khidmat ini dari unit bimbingan dan kaunseling sekolah di bahagian
- (A) perkhidmatan perundingan dan rujukan
 - (B) perkhidmatan kaunseling
 - (C) perkhidmatan penilaian
 - (D) perkhidmatan maklumat pendidikan dan vokasional
64. Salah satu objektif semasa menguruskan program bimbingan dan kaunseling ialah objektif proses. Objektif proses bermaksud
- (A) perubahan-perubahan tingkahlaku
 - (B) cara-cara mencapai kejayaan
 - (C) usaha-usaha yang dirancang
 - (D) sumber-sumber utama program
65. Memparafrasa adalah satu kaedah di mana kaunselor menyatakan semula mesej-mesej dengan cara yang sama tetapi biasanya dengan jumlah perkataan yang
- (A) sama
 - (B) lebih
 - (C) sedikit
 - (D) tak menentu
66. Penjelasan digunakan semasa proses kaunseling disebabkan mesej klien yang berikut
- (A) panjang
 - (B) berbelit-belit
 - (C) kabur
 - (D) semua di atas
67. Tindakan memberikan peluang kepada klien untuk memulakan temuduga dan meletakkan tanggungjawab ke atasnya untuk meneruskan temubual dinamakan
- (A) pimpinan tak langsung
 - (B) pimpinan langsung
 - (C) pimpinan terkawal
 - (D) pimpinan tak terkawal

68. Di dalam usaha menyediakan khazanah maklumat bagi unit bimbingan dan kaunseling, seorang kaunselor itu haruslah bekerja rapat khususnya dengan
- (A) pentadbir
 - (B) pelajar
 - (C) guru
 - (D) pustakawan
69. Kaunselor menyatakan semula ide-ide penting yang klien nyatakan dengan menggunakan perkataan yang sedikit dan baru dinamakan
- (A) refleksi isi
 - (B) refleksi pengalaman
 - (C) refleksi perasaan
 - (D) refleksi proses
70. Kenyataan yang manakah TIDAK BENAR tentang prinsip bimbingan?
- (A) bimbingan adalah untuk semua murid
 - (B) bimbingan adalah tanggungjawab orang-orang tertentu
 - (C) bimbingan adalah satu daripada perkhidmatan personel
 - (D) bimbingan adalah dilaksanakan di atas kepercayaan terhadap kehormatan dan nilai individu
71. Pilih kenyataan yang BUKAN merupakan tanggungjawab kaunselor di sekolah
- (A) memberi kefahaman pada guru-guru lain di sekolah terhadap perkhidmatan bimbingan
 - (B) berhubung rapat dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan bantuan bagi pelajar-pelajar miskin
 - (C) melaporkan kes-kes kaunseling secara terperinci kepada guru besar sebulan sekali
 - (D) mengadakan lawatan ke kilang bersama-sama ahli kelab kerjaya
72. Objektif utama diadakan perkhidmatan susulan/penilaian di dalam perkhidmatan bimbingan di sekolah adalah untuk
- (A) memperbaiki pengurusan kurikulum, merangsang pengajaran yang lebih berkesan dan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan bimbingan
 - (B) meluaskan pengalaman dari segi penyelidikan, menyediakan laporan untuk pihak atasan dan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan bimbingan
 - (C) menyediakan panduan untuk kakitangan bimbingan, menyediakan laporan untuk pihak pentadbiran dan menilai kewibawaan kakitangan bimbingan
 - (D) memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan bimbingan serta menilai kewibawaan kakitangan bimbingan

...16/-

73. Salah satu etika penting dalam perkhidmatan kaunseling ialah kerahsiaan. Hal ini perlu untuk
- (A) menjaga hati klien
 - (B) menolong klien menyimpan segala rahsianya
 - (C) meyakinkan klien untuk terus bercerita tentang masalahnya
 - (D) memastikan perkhidmatan kaunseling mempunyai kredibiliti dan boleh dipercayai
74. Di antara kemahiran-kemahiran berikut, kemahiran yang manakah yang boleh mempercepatkan proses kaunseling tetapi mungkin juga menimbulkan risiko?
- (A) menginterpretasi
 - (B) merumus
 - (C) merefleksi
 - (D) mengkonfrontasi
75. Biasanya kaunseling tamat apabila klien
- (A) mencapai kesedaran sendiri
 - (B) mencapai kesungguhan sendiri
 - (C) memperolehi alternatif-alternatif untuk dilaksanakan
 - (D) dapat berfungsi dan berdikari
76. Usaha utama yang dilaksanakan semasa perjumpaan awal adalah
- (A) rundingan yang melibatkan pertukaran maklumat di antara kaunselor dan klien tentang jangkaan masing-masing terhadap satu dengan lain
 - (B) membincangkan masalah yang ditimbulkan oleh klien kepada kaunselor supaya dapat diselesaikan
 - (C) penerokaan sendiri oleh klien dengan bantuan kaunselor untuk mencapai penyelesaian
 - (D) kaunselor menguji persepsinya tentang masalah klien untuk memeriksa kesedarannya tentang masalah klien
77. Biasanya Unit Bimbingan dan Kaunseling di sesebuah sekolah menengah di Malaysia dipimpin oleh
- (A) guru bimbingan
 - (B) guru kerjaya
 - (C) guru kaunselor
 - (D) guru kanan hal ehwal murid

78. Semua kenyataan di bawah ini adalah merupakan matlamat mengadakan perkhidmatan maklumat pendidikan dan vokasional KECUALI
- (A) mengembangkan minat pelajar terhadap dunia pekerjaan dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh manusia untuk hidup
 - (B) menyediakan suasana dan pengalaman-pengalaman untuk memperolehi sikap yang sihat terhadap semua jenis kerja
 - (C) memastikan semua pelajar akhirnya mendapat pekerjaan yang sesuai dengan diri mereka
 - (D) menghapuskan pendekatan cuba jaya di dalam membuat keputusan
79. Siti baru saja masuk ke sebuah sekolah yang pelajar-pelajarnya terdiri daripada lelaki dan perempuan. Dia ingin terlibat secara aktif di dalam aktiviti kumpulan tetapi merasa malu. Dalam keadaan begini tindakan yang sesuai ialah:
- (A) Siti dipaksa melibatkan diri di dalam berbagai aktiviti sekolah
 - (B) latarbelakang Siti dikaji untuk mencari punca masalahnya
 - (C) kebaikan-kebaikan bercampur gaul dapat dijelaskan kepada Siti
 - (D) Siti dibantu mengesani dan memperolehi kemahiran-kemahiran sosial yang dapat mewujudkan persahabatan
80. Kematangan peribadi ditekankan sebagai ciri terpenting kaunselor oleh
- (A) Mowrer
 - (B) National Vocational Guidance Association
 - (C) Hamrin dan Paulson
 - (D) Cottle
81. Tugas kaunselor adalah
- (A) mengajar tingkah laku dan nilai
 - (B) menggalakkan klien untuk memahami diri dan mengubah tingkahlaku
 - (C) mengekalkan nilai masyarakat
 - (D) mencabar nilai klien
82. Kaunselor harus merujuk klien jika :
- (A) kaunselor tidak suka klien
 - (B) klien tidak percaya kepada kaunselor
 - (C) kaunselor tidak boleh simpan rahsia klien
 - (D) kaunselor tiada pengalaman untuk membantu klien menyelesaikan masalahnya

83. Dalam kaunseling "multi-cultural", kaunselor harus :
- (A) mempunyai pengetahuan tentang kumpulan yang dibantu
 - (B) membaca kue yang ditunjukkan oleh klien
 - (C) mempunyai kontak dengan kumpulan itu
 - (D) melayan klien dengan cara dia layan klien yang lain
84. Kaunseling yang berbentuk elektif adalah :
- (A) tidak bersistem
 - (B) bersifat intergratif
 - (C) memahami berbagai teori
 - (D) bersifat fleksibel
85. Apakah yang tersebut di bawah yang **BUKAN** keadaan yang sesuai untuk bilik kaunseling :
- (A) warna yang lembut
 - (B) meja yang berselerak
 - (C) perabut yang selesa
 - (D) suhu yang selesa

BAHAGIAN B (40 markah)

1. Dengan mengguna contoh-contoh yang sesuai, huraikan perkara berikut.
 - (a) struktur konsep diri mengikut Marsh (1980)
 - (b) kejadian 'dongengan peribadi' dan 'penonton anganan' remaja
 - (c) kesan kematangan fizikal yang awal atau lewat terhadap tanggapan diri remaja

(20 markah)

2.
 - (a) Beri definisi bimbingan, kaunseling dan psikoterapi.

 - (b) Terangkan proses kaunseling dengan memberi tumpuan kepada bagaimana klien dapat menyelesaikan masalahnya.

(20 markah)

-ooo000ooo-